

16/04/1999

Peluang untuk miliki koleksi PM, isteri

KUALA LUMPUR, Khamis - Orang ramai berpeluang memiliki beberapa barang koleksi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, pada majlis perlelongan harta Dana Khas Negara pada 22 April ini.

Barangan itu yang disumbangkan Perdana Menteri dan isteri bagi membantu memulihkan ekonomi negara, termasuk sebuah pemetik api jenama Cartier berpotongan tradisional kilatan kebiruan dan mutiara berbentuk separuh bulan serta satu set pen jenama St Dupont dengan pemegang bertatahkan permata.

Harga rizab set pen itu ialah RM2,000 manakala pemetik api Cartier pula RM3,000.

Selain itu, Perdana Menteri juga menyumbangkan mata wang asing yang akan dilelong dalam bentuk berbingkai serta album. Harga rizab mata wang asing dalam bentuk berbingkai ialah RM20,000 manakala bentuk album RM10,000.

Dr Siti Hasmah pula menyumbangkan barangan kemas termasuk satu set rantai leher yang bertatahkan batu pemat merah, seutas rantai tangan, sepasang subang dan cincin serta seurat gelang emas 18 karat yang direka bentuk seperti tali pinggang bersama kancing bertatahkan permata.

Harga rizab set barang kemas itu ialah RM120,000 manakala gelang emas RM3,000.

Majlis perlelongan anjuran Kementerian Kewangan itu, akan dirasmikan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Momamed, di Restoran Sri Melayu bermula jam 3 petang.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah, pada sidang akhbar di sini hari ini berkata, koleksi Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah itu adalah antara 37 barang sumbangan orang ramai yang akan dilelong pada majlis itu.

Barangan lain termasuk 10 lot banglo dan sebuah banglo serta barangan perak, pasu, pewter, kristal, jam tangan dan mutiara.

Menurut Wong, harga rezab keseluruhan barang yang akan dilelong ialah RM3.9 juta.

Bagaimanapun, katanya, kementerian berharap memperolehi perolehan yang lebih tinggi melalui lelongan itu.

Orang ramai yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan itu, boleh menghubungi Malaysia On Call di talian 03-7566666 untuk maklumat lanjut dan membeli kad masuk berharga RM100.

(END)